

Buletin TITIAN

MPK MAJLIS PERBANDARAN KUANTAN



'KUANTAN DAY 2019' QINZHOU, CHINA
SEMPENA BANDARAYA PERSAHABATAN

SAYANGI PANTAI KITA !

**MPK DINOBATKAN
JUARA KESELURUHAN**

SUKAN PBT PAHANG VIII PEKAN 2019



Scan QR Code untuk
versi DIGITAL TITIAN MPK

JAN-DEC
2019

#SayangiKuantan ❤

T I T A N

SIDANG REDAKSI

Penaung :

YH. Dato' Hamdan Bin Hussin,
DIMP., SAP., AAP., AMP.
(Yang Dipertua)

Penasihat :

YH. Dato' Hajah Hamiza Binti Hamzah,
DIMP., SMP., AAP.
(Setiausaha)

Editor :

1) Puan Norkamawati Binti Kamal, AMP.
(Ketua Seksyen Perhubungan Awam
dan Korporat)

2) Cik Hajah Nurul Elya Binti Ahmad Nasir

Pereka Grafik :

1) Encik Muhammad Azrul Zahery Bin Mohd Shapai
2) Cik Nur Adilah Binti Ramli

Jurufoto :

1) Encik Osman Bin Jaafar, PKC
2) Encik Ismail Bin Shafie

ISI KANDUNGAN

PROGRAM/KARNIVAL/FESTIVAL (1 - 9)

LAWATAN (10-16)

KEBERSIHAN & KECERIAAN (17-21)

TOWNHALL (22)

SUKAN (23 - 24)

LATIHAN(25 - 26)

7

JANUARI

PROGRAM WANITA SURI DAN PENYERI

7 JANUARI 2019

Program Wanita, Suri dan Penyeri anjuran PUSPANITA Negeri Pahang, PUSPANITA Helwa dan PUSPANITA JAIP bertempat di Dewan Jubli Perak, Kuantan.

Sesi motivasi diri berkenaan layanan suami terhadap isteri telah disampaikan oleh penceramah tersohor YH. Dato' Ustaz Hj. Badli Shah Hj. Alauddin dan taklimat sihat dan cantik berkenaan bahaya produk kosmetik beracun atau timbang kilo dan antibiotik oleh ahli farmasi viral Cik Siti Hawa binti Mohd Nor dari Hospital Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan.

Seramai 600 orang peserta terdiri daripada pelbagai jabatan Kerajaan, Swasta dan NGO telah menyertai program ini antaranya Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Pahang, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Akauntan Negara, Biro Pengaduan Awam (BPA), Persatuan Ibu Tunggal, Persatuan Pandu Puteri Negeri Pahang dan banyak lagi.



11 JANUARI - 11 FEBRUARI



PESTA MAKANAN BERMUSIM DI DATARAN SAYANGI KUANTAN

11 JANUARI - 11 FEBRUARI 2019

Penduduk di sekitar Kuantan berpeluang menikmati Raja Durian, Musang King dan pelbagai jenis durian dan gred sempena Pesta Makanan Bermusim di Dataran Sayangi Kuantan anjuran Majlis Perbandaran Kuantan.

Seramai 8 peniaga statik dan 2 foodtruck terlibat di dalam pesta ini. Harga durian yang dijual bermula dari serendah RM10.00 sekilogram sehingga RM50.00 sekilogram dan secara longgok.



29 Mac

-

31




MAJLIS PERASMIAN DAN HARI ZOO MINI TERUNTUM

29 MAC - 31 MAC 2019

Dirasmikan oleh Pengurus Jawatankuasa Sains, Teknologi, Teknologi Hijau, Komunikasi dan Multimedia Negeri Pahang, YB. Dato' Mohammad Fakhruddin bin Mohd Ariff, DIMP., AMP., AMN., PKT

Seramai 20,000 pengunjung telah memeriahkan hari zoo ini dengan penampilan khas 'Si Lepar' dan 'Si Dara' yang dibawa khas dari Kuala Gandah, Lancang, Pahang.




10 APRIL

MAJLIS PRA PELANCARAN PENGATURAN KENDIRI (SELF REGULATED)

10 APRIL 2019

Tujuan pelaksanaan adalah untuk melibatkan semua pihak samada dari Perunding, Pemaju, Pemilik Tanah, kerajaan dan semua yang berkepentingan. Konsep pengaturan kendiri yang dicetuskan oleh YB. Setiausaha Kerajaan Pahang, Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak adalah merupakan proses kelulusan pembangunan di seluruh PBT di negeri ini. Ia merupakan usaha penambahbaikan bagi meningkatkan tahap kecekapan jabatan teknikal dan pihak swasta dalam mengemukakan permohonan kelulusan pembangunan dengan tempoh kelulusan dapat dikurangkan daripada 92 hari kepada 28 hari sahaja.



PROGRAM 'JOM MEMBACA BERSAMA' SECARA SERENTAK DI SELURUH MALAYSIA

23 APRIL 2019

Warga kerja MPK telah meluangkan masa membaca selama 10 minit sempena menyokong Kempen 'Jom Baca Bersama' secara serentak di seluruh Malaysia.





'SOFT LAUNCH' WAKAF INFaq RAMADAN MPK 1440H

9 MEI 2019

Wakaf Infaq Ramadan adalah ilham dari Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuantan YH. Dato' Haji Fadzilla bin Haji Salleh pada tahun 2016 yang bertujuan bagi menyalurkan sumbangan makanan dan minuman yang di infaq oleh para peniaga bazar Ramadan kepada golongan yang memerlukan sumbangan seperti rumah gelandangan, rumah kanak-kanak, masjid, rumah orang tua dan sebagainya. Program ini dilakukan dengan kerjasama Drug Intervention Community (DIC) Pahang.



13 Mei



CERAMAH PERDANA 'IHYA RAMADAN' DAN MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN KEPADA MASJID DAN SURAU DAERAH KUANTAN 1440H

13 MEI 2019

Sebanyak 59 buah masjid dan 181 surau di daerah Kuantan telah dipilih untuk menerima sumbangan ini dengan agihan RM350.00 bagi sebuah masjid dan RM250.00 bagi sebuah surau. Sumbangan ini merupakan tanggungjawab sosial disamping mengeratkan lagi silaturahim antara MPK dengan masyarakat Kuantan dan juga merupakan program tahunan Majlis Perbandaran Kuantan.



PROGRAM BERBUKA PUASA BERSAMA DIPERTUA, PEGAWAI-PEGAWAI MPK SERTA REMAJA KUANTAN

14 MEI 2019

Majlis ini telah berlangsung di Kompleks Ibu Pejabat Majlis Perbandaran Kuantan dan telah dirasmikan oleh Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuantan yang mana turut dihadiri oleh Setiausaha Majlis Perbandaran Kuantan dan pegawai - pegawai MPK. Tujuan utama program ini adalah untuk menyampaikan sumbangan ikhlas kepada anak-anak yatim dan pelajar IPT di samping mengeratkan silaturahim di kalangan pegawai dan kakitangan MPK. Antara jemputan yang turut hadir bagi memeriahkan lagi acara ini ialah Rumah Anak Yatim dan Fakir Miskin Baitul Husna, Kg. Pelindung, Rumah Anak Yatim dan Miskin Dynasti serta Akademi Tahfiz Darul Nisa' At-Thohirah, Bukit Setongkol Maju Pusat Jagaan Cahaya, Kg. Pelindung Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (P) Indera Mahkota WIDAD Universiti.

14
MEI



28
MEI

MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA YANG DIPERTUA MPK

28 MEI 2019

Sempena bulan Ramadhan Al-Mubarak, Majlis Perbandaran Kuantan telah menganjurkan Program Berbuka Puasa Bersama Yang Dipertua dan Pegawai MPK serta Jemputan Remaja Kuantan di Hotel Vistana, Kuantan. Tujuan utama program ini adalah untuk menyampaikan sumbangan duit raya kepada remaja Kuantan di samping mengeratkan silaturahim di kalangan pegawai dan kakitangan MPK yang sedang melaksanakan rukun islam ketiga untuk hari yang ke 9 di bulan Ramadhan 1440 Hijrah.



22 SEPTEMBER

Dataran Sayangi Kuantan telah digamatkan dengan Gabungan Dwi Acara iaitu Run For Peace dan Kuantan Santai Sihat Lestari yang menyaksikan kira-kira 3000 orang menyertai larian sejauh 5km bermula dari Dataran Sayangi Kuantan, Jalan Mahkota, Jalan Besar, dan sebahagian Jalan Tanah Putih. Perasmian bagi acara ini disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri Pahang, YB Encik Abdul Rahim bin Muda. Program ini merupakan kolaborasi Majlis Perbandaran Kuantan bersama dengan Persatuan Soka Gakkai Malaysia (SGM) , bersempena dengan Program Kuantan Santai Sihat Lestari (KSSL) - hari tanpa kenderaan dan Run for Peace yang juga merupakan program dwi tahunan yang telah diadakan sejak tahun 2005 oleh SGM mempromosikan ideologi "keamanan bermula daripada setiap individu" dan meningkatkan kesedaran tentang kepentingan keamanan dalam kalangan Rakyat Malaysia.

22 SEPTEMBER

MPK bersama Kanak-Kanak dan Keluarga Pesakit Kanser di bawah LA21 Sosial dan Ekonomi yang terdiri dari 45 org kanak - kanak daripada Persatuan Sokongan Anak anak Kanser. Sumbangan berbentuk cenderahati telah disampaikan manakala pihak syarikat Circus on Ice menaja tiket percuma menyaksikan persembahan sarkas kepada kanak kanak ini sebagai sebahagian dari aktiviti 'Corporate Social Responsibility' syarikat tersebut.

Gabungan Dwi Acara



KUANTAN KE ARAH BANDARAYA



15 OKTOBER

ASIA-PACIFIC URBAN FORUM 7



Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri Pahang, YB. Encik Abd Rahim bin Muda mewakili Kerajaan Pahang ke Majlis Perasmian Pembukaan Seminar Persidangan Asia Pacific Urban Forum Ke-7 (APUF7) yang dirasmikan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang di Setia SPICE Convention Centre di Pulau Pinang.

Turut sama, Setiausaha Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perumahan Pahang, YB Ir. Razali Kassim yang juga merupakan ADUN Muadzam Shah, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuantan (MPK), Dato' Hamdan bin Hussin, Ahli Majlis MPK dan Pegawai Jabatan Kerajaan Pahang.

Seminar berkenaan menekankan tentang cabaran pembangunan Kerajaan Negeri, pengurusan sumber asli, perubahan iklim, risiko bencana dan peningkatan ketaksamaan bagi memastikan pembangunan yang mampan dan memberi faedah kepada semua golongan rakyat.

Ia memberi fokus kepada empat aspek utama dalam pentadbiran Kerajaan, iaitu Urban Territorial Planning, Urban Resilience, Data and Technology for Smart Cities dan Urban Finance.

KUANTAN WATERFRONT TELAH SIAP SEPENUHNYA



20 OKTOBER

Majlis penyerahan CCC (Sijil Penyiapan dan Pematuhan) pembangunan Kuantan Waterfront oleh Perunding Arkitek KC Leng Architect kepada Dato' YDP MPK disaksikan oleh Dato' Sri Setiausaha Kerajaan Negeri. Projek Kuantan Waterfront Fasa 1A di Lot PT 120622, Tanjung Lumpur merupakan satu lagi mercu tanda terbaru bandar Kuantan.

Pembangunan Service Apartment 29 Tingkat yang mengandungi 384 unit apartment, 14 unit villa 2 tingkat, 5 unit outlet komersial . Keseluruhan Fasa 1 A ini akan dikendalikan oleh Swiss Bel Hotel.

23

Mahkota Food Truck Festival

November



PERTANDINGAN AEROBIKTHON

23 NOVEMBER 2019

Pertandingan Aerobikthon 2 jam tanpa henti telah diadakan bermula pada jam 8.30 pagi hingga 10.30 pagi dan melibatkan seramai 80 orang peserta. Pelbagai kategori telah dipertandingkan iaitu 18-39 tahun, 40 tahun ke atas dan kategori instruktur (terbuka).



4.5KM FUN RUN

23 NOVEMBER 2019



Seramai hampir 400 peserta telah menyertai 4.5 KM FUN RUN. Pelepasan peserta pada seawal jam 7.30 pagi itu telah disempurnakan oleh Tuan Haji Alias bin Sudin selaku Pengarah Jabatan Pembangunan Perniagaan dan Pelesenan Majlis Perbandaran Kuantan.



17 DISEMBER



17 DISEMBER 2019



Smart Partnership Back to School 2020



Program ini telah dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri Pahang. Program ini merupakan satu program amal komuniti yang bertujuan untuk membantu persediaan kembali ke sekolah.

Sebanyak 10 agensi yang telah menaja barang keperluan sekolah kepada pelajar yang terpilih. Seramai 200 orang pelajar yang terdiri daripada kaum Melayu, Cina, India serta Orang Asli yang dikenalpasti menerima bantuan berupa beg sekolah, alat tulis, botol air serta baucer belian barang sekolah dengan nilai sebanyak RM80.00 seorang.



25 MAC

Lawatan kerja Ahli Parlimen Indera Mahkota yang juga Menteri Luar Negeri, YB. Dato' Saifuddin bin Abdullah, DSAP, DPMP, DSM ke Kompleks Ibu Pejabat Majlis Perbandaran Kuantan.



4

JULAI



LAWATAN KE PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) DI NEGERI PAHANG

4 JULAI 2019

Bersempena Majlis Pelancaran Dasar Komuniti Negara oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, satu lawatan ke Program Perumahan Rakyat (PPR) di Negeri Pahang bertempat di Pejabat Pengurusan PPRS Pak Mahat, Majlis Perbandaran Kuantan, dan Tanjung Lumpur Kuantan, Pahang Darul Makmur.



25 MAC




25 MAC 2019

Kunjungan hormat dan perbincangan kerjasama di antara SWCorp Pahang dan Yang DiPertua Majlis Perbandaran Kuantan, YH. Dato' Haji Fadzilla Bin Haji Salleh.

12 April

- 14




LAWATAN KETUA-KETUA PERWAKILAN ASING DI MALAYSIA KE NEGERI PAHANG ANJURAN KEMENTERIAN LUAR NEGERI

12 APRIL - 14 APRIL 2019

Seramai 46 orang Ketua-ketua Perwakilan Asing dari 28 buah negara telah melawat Terowong Sungai Lembing dan Kompleks Bazar Serambi Teruntum.

Pelbagai aktiviti menarik telah disediakan antaranya demonstrasi mengacau dodol, menenun, mencanting batik dan cara menyediakan sambal hitam kebanggaan rakyat Pahang.



23

APRIL

LAWATAN TETAMU RAJA PERMAISURI AGONG, HER MAJESTY THE QUEEN MOTHER OF THE ROYAL BAFOKENG NATION, DR SEMANE MOLOTLEGI DI TEROWONG SUNGAI LEMBING.



LAWATAN KE KAUNTER 'ONE SERVE'

8 JULAI 2019

Majlis Perbandaran Kuantan telah menerima lawatan dari Yayasan Pahang seramai 4 orang bertempat di Bilik Diskusi Kaunter 'One Serve' Aras Bawah Kompleks Ibu Pejabat, MPK. Tujuan lawatan ini adalah untuk berkongsi idea atau pandangan serta maklumat yang berkaitan bagi meningkatkan lagi perkhidmatan kaunter Yayasan Pahang (YP) kepada orang awam.

8 Julai

15

JULAI



SEMINAR SESI PERKONGSIAN TEKNOLOGI

15 JULAI 2019

Seminar Sesi Perkongsian Teknologi Anjuran Jawatankuasa ICT PBT Malaysia dan telah dirasmikan oleh YH. Dato' Hajah Hamiza binti Hamzah, Setiausaha Majlis Perbandaran Kuantan pada 15 Julai 2019 (Isnin) jam 9.00 pagi bertempat di Bilik Seminar dan Latihan Aras 2, Kompleks Ibu Pejabat Majlis Perbandaran Kuantan. Seramai 80 orang peserta yang hadir terdiri daripada PBT Seluruh Malaysia dan agensi luar.



LAWATAN DARI MBPJ

8 JULAI 2019

Majlis Perbandaran Kuantan telah menerima lawatan rasmi daripada kakitangan dan AJK Anulae Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) seramai 35 orang pada 8 Julai 2019 (Isnin) jam 11.30 pagi bertempat di Bilik Mesyuarat Lestari 1, Aras 9, Kompleks Ibu Pejabat MPK.



LAWATAN DARI KESATUAN (ANULAE) KEBANGSAAN PEKERJA-PEKERJA PBT MAJLIS PERBANDARAN KULAI

Taklimat dari Majlis Perbandaran Kuantan berkongsi pengalaman di atas kejayaan yang pernah dicapai.

25 SEPTEMBER

EXPLORASI ILMU LOCAL AGENDA 21 PUTRAJAYA (25 SEPTEMBER 2019)

Majlis Perbandaran Kuantan telah menerima lawatan dari Perbadanan Putrajaya bagi Program " Explorasi Ilmu Local Agenda 21 Putrajaya" Untuk Lawatan Agenda 21 Bersama Komuniti, "Community Based Program" di Majlis Perbandaran Kuantan bertempat di Bilik Mesyuarat UTC, Kuantan.



25 September

LAWATAN MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG

25 NOVEMBER 2019

Majlis Perbandaran Kuantan telah menerima lawatan kerja daripada Majlis Bandaraya Pulau Pinang bertempat di Bilik Mesyuarat Lestari 3, aras 9, Kompleks Ibu Pejabat MPK . Tujuan lawatan ini adalah untuk berkongsi pengalaman dan percambahan idea berhubung Pasukan "KIK Pedang" dari bahagian Penguatkuasaan Keselamatan Majlis Perbandaran Kuantan.



2 OKTOBER



LAWATAN TEKNIKAL

2 OKTOBER 2019

Majlis Perbandaran Kuantan telah menerima lawatan daripada Jabatan Kejuruteraan Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Tujuan lawatan ini adalah bagi meningkatkan kualiti dan mutu kerja berkaitan skop kerja penyelenggaraan.

OKTOBER 24



LAWATAN KERJA JPJ

24 OKTOBER 2019

Majlis Perbandaran Kuantan telah menerima kunjungan daripada Jabatan Pengangkutan Jalan Ke Majlis Perbandaran Kuantan. Tujuan lawatan ini adalah untuk membincangkan isu semasa serta perancangan bagi tindakan penguatkuasaan secara bersepadu bersama Majlis Perbandaran Kuantan.



LAWATAN SAMBIL BELAJAR

30 OKTOBER 2019

Majlis Perbandaran Kuantan telah menerima kunjungan daripada Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta (JPPH) Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Johor.



30 OKTOBER



11-14 November Lawatan Kerja MPK Ke Qinzhous, China

Majlis perasmian program 'Kuantan Day' dan Kuantan Night serta Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman di antara Fasih Mandarin Sdn Bhd dengan Beibu Gulf University telah diadakan sempena Lawatan Kerja Majlis Perbandaran Kuantan ke Qinzhous di China pada 11 sehingga 14 November 2019. Seramai 65 orang delegasi yang terdiri daripada EXCO Kerajaan Negeri, Pemimpin Tempatan, Pegawai-pegawai MPK, Wakil Intitusi pengajian tinggi awam, wakil Intitusi pengajian tinggi swasta dan persatuan telah menyertai program ini. Ia bertujuan mewujudkan kerjasama di antara kedua-dua bandar di dalam pelbagai bidang dan potensi kerjasama yang bakal memberi manfaat positif dari segi pendidikan, pembangunan masyarakat, ekonomi, pelancongan dan politik. Perasmian program tersebut telah disempurnakan oleh, YB. Encik Abd Rahim bin Muda, Pengurus Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, dan Perumahan Negeri Pahang.





PENANDA ARASAN KECEMERLANGAN

23 DISEMBER 2019

Majlis Perbandaran Kuantan telah menerima lawatan daripada Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah Selatan bersama peserta kursus dari My PBT Pengerang.

23 DISEMBER



MAJLIS PERBANDARAN MUAR

27 DISEMBER 2019

MPK menerima lawatan penanda arasan dari Majlis Perbandaran Muar seramai 12 Ketua Jabatan dan diketuai oleh Tuan Setiausaha MPM, Encik Azmi bin Ahmad berkaitan Pembudayaan Inovasi dan Pemerkasaan Tulisan Jawi di papan tanda perniagaan.



27 DISEMBER



MELIHAT KERJA- KERJA MEMBAIKPULIH

28 DISEMBER 2019

YB Menteri Luar Negeri yang juga Ahli Parlimen Indera Mahkota, YB Dato' Saifudin bin Abdullah telah melawat ke Terminal Sentral Kuantan (TSK).

28 DISEMBER



11

JANUARI

OPERASI PEMBASMIAN TIKUS DI PASAR BESAR, KUANTAN

11 JANUARI 2019

Operasi Pembasmian Tikus di Pasar Besar Kuantan telah diadakan bermula pada jam 8.30 malam hingga jam 11.30 malam dan diketuai oleh Ketua Unit Vektor, Encik Abdul Hakim bin Mohd Amin yang melibatkan 10 anggota unit vektor dan 30 pelatih dari Kolej Pasific, Kuantan. Operasi ini merupakan operasi kali kedua yang dilaksanakan pada tahun 2019 dan menggunakan kaedah sesauk yang dibuat sendiri oleh anggota LILATI. Operasi ini dilakukan secara berkala iaitu sebanyak 2 kali seminggu pada setiap hari Selasa dan Jumaat. Kawasan terlibat bagi operasi berkenaan antaranya adalah di sekitar Pasar Besar, Jalan Tun Ismail, Taman Tas, Tanjung Api di mana tumpuan adalah di kawasan - kawasan pusat perkhidmatan, lorong belakang dan kawasan premis makanan.



PROGRAM CSR "CERIAKAN PANTAI BALOK" KUANTAN KE ARAH BANDARAYA

19 JULAI 2019

Program CSR "CERIAKAN PANTAI BALOK" Kuantan Ke Arah Bandaraya telah diadakan pada hari Jumaat, bertempat di pusat rekreasi Balok. Gimik perasmian program ini telah disempurnakan oleh YH. Dato' Setiausaha MPK dengan menanam pokok rhu pantai atau nama saintifiknya 'Casuarina Equisetifolia' di hadapan kapsul penginapan yang kini sedang dibina oleh unit pusat rekreasi Balok. Program ini juga turut dihadiri oleh ahli-ahli Majlis, Majlis Perbandaran Kuantan, pengarah - pengarah jabatan, ketua - ketua bahagian, ketua - ketua seksyen dan penyelia - penyelia pelajar Giat Mara Balok dan Kem Wawasan Bukit Sagu.



19

JULAI



26 Mac



PROGRAM GOTONG-ROYONG BERSAMA MAJLIS PENGURUSAN KOMUNITI KAMPUNG (MPKK)

26 MAC 2019

Dirasmikan oleh YH. Dato' Haji Fadzilla Bin Haji Salleh, Yang DiPertua Majlis Perbandaran Kuantan. Antara jabatan atau agensi yang terlibat adalah Majlis Perbandaran Kuantan, SWCorp Kuantan, Alam Flora Kuantan, Akademi Mokhtar Dahari, KKTm Kuantan, Politeknik Metro Kuantan dan MPKK Pantai Sepat. Hasil kutipan sampah di kelima-lima zon adalah sebanyak 3,100 KG (3.1 TAN) sampah.

